

01/02/2001

Ipoh dipilih tuan rumah

IPOH: Bandaraya Ipoh dipilih sebagai tuan rumah sambutan Hari Belia Peringkat Kebangsaan pada 15 Mei depan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan sambutan itu, termasuk menyampaikan amanat kepada lebih 20,000 belia yang dijangka menghadirinya.

"Satu jawatankuasa yang dipengerusikan saya sendiri ditubuhkan bagi membincang serta merangka acara yang akan diadakan sempena sambutan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

(END)